

SIARAN MEDIA

EMBARGO SEHINGGA 2 MAC 2017, 3.00 PETANG

MALAYSIA MENGEKALKAN MOMENTUM PERTUMBUHAN PELABURAN Pelaburan Diluluskan Bernilai RM207.9 Bilion Bagi Tahun 2016

“Landskap ekonomi global kini semakin mencabar. Tajuk-tajuk utama sekian kali memaparkan kelembapan ekonomi dunia yang membawa kepada antara lain, agregat permintaan yang lemah, ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa, harga komoditi yang rendah, dasar ekonomi yang tidak menentu dan persaingan serantau yang lebih sengit. Walaupun berhadapan dengan cabaran ini, Malaysia terus mengekalkan momentum pertumbuhan pelaburan pada 2016, ” kata Dato’ Sri Mustapa Mohamed, YB Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Malaysia kini lebih selektif dalam agenda pelaburannya, dengan memberi lebih tumpuan kepada projek berkualiti dalam ekosistem sasaran yang akan mempunyai impak yang signifikan kepada keseluruhan ekonomi domestik. Pada 2016, negara telah menarik sejumlah RM207.9 bilion dalam pelaburan yang diluluskan bagi membiayai 4,972 projek dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama. Pelaburan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 153,060 peluang pekerjaan untuk negara.

Nisbah pelaburan asing dan domestik juga selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan pelaburan domestik memainkan peranan yang penting dalam memacu agenda pelaburan Malaysia, dengan 71.6% (RM148.9 bilion) yang disumbangkan oleh sumber domestik dan 28.4% (RM59.0 bilion) daripada sumber asing. Pelabur asing terus memanfaatkan ekosistem Malaysia yang unik dan sinergi serantaunya yang membawa kepada peningkatan Pelaburan Langsung Asing (FDI) sebanyak 63.4% daripada RM36.1 bilion pada tahun 2015.

Negara maju terus kekal sebagai sumber pelaburan utama di Malaysia. Sumber-sumber utama pelaburan asing pada tahun 2016 ialah Amerika Syarikat, Belanda, China, Jepun, Singapura, Republik Korea dan United Kingdom. Pelaburan daripada ketujuh-tujuh negara ini telah menyumbang sebanyak 55.8% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama.

Sektor Perkilangan

Malaysia terus menarik pelaburan pada tahap yang baik dalam sektor perkilangan walaupun berada di dalam risiko dan ketidaktentuan persekitaran ekonomi global. Sebanyak 733 projek perkilangan dengan pelaburan sebanyak RM58.5 bilion telah diluluskan oleh MIDA pada tahun 2016, berbanding dengan 680 projek dengan pelaburan sebanyak RM74.7 bilion pada tahun 2015.

Meskipun terdapat penurunan, jumlah pelaburan yang lebih tinggi yang dicatatkan pada tahun 2015 adalah disebabkan oleh dua projek besar yang diluluskan iaitu projek PETRONAS Refinery and Petrochemical Corporation (PRPC) di Johor dan projek LNG9 di Sarawak yang berjumlah RM35.3 bilion.

Dari segi nilai pelaburan yang diluluskan, Johor menerima jumlah terbesar, diikuti oleh Selangor, Sarawak, Penang dan Perak. Usaha MIDA sejak penubuhannya, dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan, menyumbang kepada peningkatan pelaburan di negeri-negeri tersebut. Setiap negeri mempunyai kelebihan perbandingan dan daya saing yang tersendiri. Dalam memutuskan lokasi tertentu untuk sesuatu projek, pelabur akan memilih lokasi yang memenuhi keperluannya dan bersesuaian dengan keseluruhan strategi perniagaan mereka. Ini termasuklah kesediaan ekosistem pelaburan yang komprehensif dan industri sokongan yang kukuh di kawasan tersebut.

Sebahagian besar pelaburan yang diluluskan adalah dalam projek-projek yang berintensif modal. Pada tahun 2016, terdapat 85 projek yang mencatatkan pelaburan sebanyak RM100 juta atau lebih, yang membawa kepada jumlah keseluruhan sebanyak RM47.6 bilion atau 81.4% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan. Daripada jumlah tersebut, 10 projek adalah pelaburan yang bernilai sekurang-kurangnya RM1 bilion dan ke atas. Projek-projek ini adalah tertumpu kepada pembuatan produk petroleum termasuk petrokimia, produk logam asas, gas asli, barangan elektrik dan elektronik (E & E), pengilangan makanan dan kelengkapan pengangkutan.

"Semua projek ini akan menghasilkan kesan berganda yang besar kepada sektor perkilangan dan ekonomi, termasuk rantaian ke hadapan-dan-ke belakang, pembangunan industri sokongan, pemindahan teknologi dan R&D, mewujudkan peluang pekerjaan, penyumberan tempatan, pembangunan kemahiran dan penjana pendapatan tukaran asing," kata Dato' Sri Mustapa Mohamed.

Projek-projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2016 dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 64,120 orang. Industri utama yang paling memerlukan tenaga kerja mahir adalah kelengkapan pengangkutan, produk elektrik dan elektronik, produk fabrikasi logam, jentera dan peralatan, barangan plastik dan produk mineral bukan logam. Ini termasuk juga peluang pekerjaan kepada penyelia penyelenggaraan loji, pembuat 'tools and die', pakar mesin, kakitangan IT, pengawal kualiti, juruelektik dan pengimpal.

"Dalam menuju ke arah sebuah negara maju, tenaga kerja berkemahiran tinggi merupakan aset yang penting. Usaha sedang diambil untuk meningkatkan kualiti modal insan. Di bawah Rancangan Malaysia ke-11, lebih ramai pelajar kini akan melanjutkan pengajian dalam bidang teknikal dan vokasional dan latihan (TVET). MITI melalui MIDA bekerjasama dan membentuk perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan yang berkaitan serta memanfaatkan program pembangunan bakat sedia ada bagi membantu syarikat berdasarkan keperluan mereka," kata YB Dato' Sri Mustapa.

Walaupun nilai pelaburan domestik yang diluluskan dalam sektor perkilangan menurun sebanyak 41.1% kepada RM31.1 bilion, pelaburan asing dalam sektor perkilangan mencatatkan peningkatan sebanyak 25.1% kepada RM27.4 bilion pada tahun 2016. China merupakan pelabur terbesar sektor perkilangan pada tahun lepas, diikuti oleh Belanda, Jerman, UK dan Republik Korea. Pelaburan daripada kelima-lima negara telah menyumbang sebanyak 56.1% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor ini. Projek penting dari China adalah di dalam industri keluli, mineral bukan logam, dan solar. Pelaburan dari Belanda, Jerman, UK dan Republik Korea adalah termasuk beberapa projek kimia dan petrokimia bernilai tinggi serta projek-projek untuk mengeluarkan produk elektronik termaju.

Dengan penambahan projek yang diluluskan pada tahun 2016, jumlah projek perkilangan yang telah diluluskan bagi tempoh lima tahun iaitu 2012-2016 kini telah mencecah 3,815, di mana 3,132 projek telah dilaksanakan. Projek-projek yang telah dilaksanakan ini telah menjana 292,745 peluang pekerjaan untuk negara.

Setakat 31 Disember 2016, sebanyak 3,010 daripada jumlah projek yang dilaksanakan telah beroperasi manakala selebihnya masih dalam peringkat pembinaan atau pemasangan jentera peringkat akhir. Pelaburan dalam projek-projek yang telah dilaksanakan ini adalah berjumlah RM207.7 bilion. Sebanyak 41 projek dengan pelaburan sebanyak RM7.9 bilion telah memperolehi tapak kilang, manakala 430 projek (RM44.9 bilion) adalah dalam peringkat perancangan aktif. Apabila 471 projek ini direalisasikan, pelaburan dalam projek-projek perkilangan ini akan berjumlah RM52.8 bilion.

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan Malaysia terus berkembang pada tahun 2016 dan berjaya menarik sebanyak 4,199 projek dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM141.2 bilion. Projek-projek yang diluluskan dijangka akan mewujudkan 88,110 peluang pekerjaan. Perbandingan tahun ke tahun, pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan pada tahun lepas telah meningkat sebanyak 23.3%. Pelaburan domestik mendahului dengan RM112.9 bilion, manakala pelaburan asing berjumlah RM28.3 bilion.

Sumber-sumber utama pelaburan asing dalam sektor perkhidmatan pada tahun 2016 ialah daripada Amerika Syarikat (RM6.8 bilion), Hong Kong (RM1.9 bilion), Jepun (RM1.8 bilion), Singapura (RM1.2 bilion) dan Belanda (RM0.9 bilion).

Walaupun subsektor hartanah terus mendahului dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM64.1 bilion, subsektor utama yang mempunyai aktiviti nilai ditambah yang tinggi seperti pertubuhan global, perkhidmatan kewangan, teknologi maklumat dan telekomunikasi dan perkhidmatan sokongan juga mencatatkan pertumbuhan yang baik.

Sebagai salah satu negara yang mempunyai ekonomi mapan, Malaysia mempunyai kedudukan yang baik untuk menjadi pusat operasi serantau atau global bagi syarikat-syarikat multinasional (MNC). Menyedari hakikat ini, lebih banyak syarikat MNC telah menggunakan model Hab Prinsipal (PH) Malaysia yang membolehkan keputusan dibuat dengan lebih cepat dan menyokong perkembangan tren rantaian bekalan. Pada 2016, MIDA telah meluluskan 13 projek baru PH dengan pelaburan sebanyak RM13.8 bilion yang akan menjana sebanyak 1,980 pekerjaan bernilai tinggi. Kelulusan ini merangkumi Ansell Global Trading Centre, IMI Engineering, Nestrade, IOI Corporate Service dan McDermott Asia Pasific.

Segmen perbankan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada subsektor perkhidmatan kewangan, dipacu oleh aktiviti perbankan konvensional. Berhubung dengan pelaburan dalam subsektor teknologi maklumat dan telekomunikasi, 756 projek dengan pelaburan bernilai RM12.4 bilion telah diluluskan tahun lepas. Projek-projek ini, terutamanya 336 syarikat berstatus MSC yang diluluskan, akan memerlukan 18,170 pekerja berkemahiran tinggi dan berpengetahuan.

Pada tahun 2016, projek perkhidmatan sokongan yang diluluskan dengan insentif cukai telah meningkat sebanyak 156.3% kepada RM9.4 bilion. Peningkatan yang ketara ini disebabkan oleh pelaburan-pelaburan besar yang telah diluluskan dalam aktiviti teknologi hijau dan perkhidmatan logistik bersepadu (ILS). Salah satu projek teknologi hijau utama yang telah diluluskan adalah Xinyi Energy Smart

yang berpangkalan di Hong Kong, yang akan melaksanakan projek tenaga solar di Melaka. Syarikat itu menyasarkan untuk menjana kapasiti tenaga sebanyak 12.0MW bagi operasi pembuatan kaca mereka.

Bagi projek ILS yang telah diluluskan, kebanyakan syarikat sedang bergerak ke arah operasi bersepadu, inovasi yang didorong oleh ICT (e-dagang) dan menyediakan perkhidmatan logistik khusus untuk menyokong pelbagai sektor industri seperti industri minyak dan gas dan petrokimia. Sebanyak 6 projek ILS telah diluluskan pada tahun 2016. Projek-projek ini akan melibatkan pelaburan sebanyak RM672.6 juta dan mewujudkan 765 peluang pekerjaan. Projek ILS yang diluluskan pada tahun lepas adalah termasuk Steinweg Malaysia, Infinity Logistics & Transport dan YCH Logistics Malaysia.

"Sektor perkhidmatan membantu mengoptimumkan kecekapan sektor-sektor lain di negara ini. Pertubuhan global dan perkhidmatan pengurusan rantai bekalan hujung-ke-hujung sebagai contoh, kini pantas menjadi komponen penting bagi ekonomi negara. Perkhidmatan ini akan meningkatkan kecekapan perdagangan dan kelebihan daya saing industri di Malaysia," kata Dato' Sri Mustapa.

Sektor Utama

Pelaburan yang diluluskan dalam sektor utama meningkat sebanyak 116.7% daripada RM3.8 bilion pada tahun 2015 kepada RM8.2 bilion pada tahun 2016. Subsektor perlombongan mendahului dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM7.6 bilion dalam 19 projek, terutamanya daripada aktiviti penerokaan minyak dan gas. Ini diikuti oleh subsektor perladangan dan komoditi dengan pelaburan sebanyak RM542.7 juta dan subsektor pertanian yang menyumbang kepada baki pelaburan yang diluluskan. Pelaburan dari sumber domestik berjumlah RM4.9 bilion atau 59.7% manakala pelaburan asing menyumbang sebanyak RM3.3 bilion atau 40.3%.

Maju Ke hadapan

"Tahun ini akan terus menjadi tahun yang mencabar bagi Malaysia. Walaupun sentimen 'protectionist'" semakin meningkat dari beberapa negara, Malaysia masih kekal positif dan terbuka untuk pelaburan langsung asing (FDI) yang berkualiti tinggi bagi memenuhi aspirasi kita untuk menjadi negara maju. FDI adalah kritikal dalam mewujudkan pekerjaan, membangunkan tenaga kerja yang mahir dan memupuk pertumbuhan syarikat-syarikat tempatan. Penyebaran ilmu pengetahuan di sepanjang rantai nilai daripada syarikat multinasional asing mewujudkan limpahan manfaat dan sinergi untuk tambahan produk dan perkhidmatan baru untuk syarikat tempatan," kata YB Menteri MITI.

Dato' Sri Mustapa juga menekankan bahawa Malaysia sedang meningkatkan ekosistem pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan bagi memudahkan pertumbuhan masa depan. Ini bermakna syarikat-syarikat tempatan mestilah sama ada meningkatkan rantai nilai atau mempelbagaikan perniagaan dalam bidang-bidang yang lain. Oleh itu, syarikat terutamanya pemain tempatan digesa untuk melabur dalam teknologi automasi atau R&D untuk mengelakkan kesan pengecutan margin dan isu buruh.

"Memandangkan syarikat kecil dan sederhana (PKS) merupakan kira-kira 97% daripada jumlah perniagaan di Malaysia, Kerajaan akan terus menyokong syarikat tempatan termasuk PKS dengan menyediakan platform untuk menggalakkan kerjasama perniagaan dengan syarikat-syarikat asing dan syarikat multinasional yang beroperasi di negara ini. Ini adalah salah satu bidang tumpuan utama MITI untuk tahun ini," kata Menteri.
